

'Malaysia Boleh' jayakan negara

UM 1 1 FEB 2003
Oleh AZNAN BAKAR

PUTRAJAYA 10 Feb. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, semangat *Malaysia Boleh* yang sudah dijiwai oleh hampir semua rakyat negara ini bukan slogan kosong sebaliknya telah menjadi pendorong kepada pelbagai kejayaan yang dicapai oleh Malaysia setakat ini, Perdana Menteri berkata, daripada slogan itu ia telah memberi semangat kepada rakyat negara ini untuk mencipta pelbagai kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

"Slogan *Malaysia Boleh* betul-betul berkesan, dan ia bukan satu slogan kosong," katanya ketika berucap pada Majlis Jamuan Makan Malam Tahunan anjuran Institut

Pengarah-Pengarah Malaysia (MID) di sini malam ini.

Kira-kira 800 Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), ahli-ahli korporat dan duta-duta negara asing hadir pada majlis tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, atas semangat *Malaysia Boleh* negara ini telah berjaya dalam pelbagai bidang sama ada politik mahupun ekonomi.

Dahulu kata beliau, orang tidak yakin apabila kerajaan menyatakan hasrat untuk melaksanakan sesuatu projek besar.

"Semua orang fikir kita tidak boleh buat apa-apa pun. Waktu kita hendak buat kereta sendiri, mereka kata ia satu projek gila.

"Mana boleh buat kereta, itu kerja orang di negara maju. Tetapi hari ini, kita telah berjaya," katanya.

Hari ini kata beliau, 70 peratus daripada kenderaan di jalan raya di negara ini adalah keluaran tempatan.

"Kita boleh lakukan apa sahaja jika ada kemahuan dan kesungguhan," ujarnya.

Menurut Dr. Mahathir, hari ini orang luar juga turut terpengaruh dengan slogan *Malaysia Boleh* itu.

Yang penting, kata beliau, jika fikiran sudah dipusatkan dan sedia melakukan perubahan apa sahaja boleh dilakukan.

Hari ini katanya, Malaysia sudah melakukan banyak perkara dan ada antaranya lebih baik dan ke hadapan daripada mereka yang telah memulakannya.

Sebagai contoh, kata beliau, Kejohanan Lumba Basikal Le Tour de Langkawi yang mengambil contoh daripada perlumbaan Tour de France yang

bermula kecil kini menjadi perlumbaan terbesar di luar Eropah.

Hasil daripada perlumbaan itu, kata beliau, Malaysia mendapat manfaat daripada promosi melalui siaran televisyen ke seluruh dunia yang mana ia akan dapat merangsang pelancong melawat negara ini.

Pada masa yang sama Dr. Mahathir turut menghargai jasa-jasa pemimpin terdahulu yang disifatkan telah menyediakan landasan betul untuk negara terus bergerak ke hadapan.

Tunku Abdul Rahman misalnya kata beliau, telah menyumbang banyak idea untuk mewujudkan sistem pentadbiran sesuai untuk masyarakat berbilang kaum melalui penubuhan parti politik yang mewakili setiap kaum terabit.